

23 Julai 2009

Semua Jurukur Tanah Berlesen

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH BILANGAN 1 TAHUN 2009

- SUBSIDI BATU SEMPADAN

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan bagi Lembaga Jurukur Tanah (Lembaga) melaksanakan amalan berbelanja secara berhemah yang mana salah satunya adalah Lembaga akan menurunkan kadar subsidi batu sempadan yang dibayar kepada Jurukur Tanah Berlesen.

2. LATARBELAKANG

Kadar subsidi batu sempadan yang sedang berkuatkuasa adalah RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja) bagi sebatang batu sempadan. Namun begitu kajian yang dijalankan mendapati kos perolehan sebenar batu sempadan adalah tidak melebihi RM3.00 (Ringgit Malaysia Tiga Sahaja) sebatang.


3. KADAR BARU SUBSIDI BATU SEMPADAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini kadar baru subsidi batu sempadan adalah RM5.00 (Ringgit Malaysia Lima Sahaja) sebatang. Kadar ini juga adalah tertakluk kepada kajian semula di masa akan datang apabila Lembaga merasakan perlu dilakukan.

4. TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa kadar baru subsidi batu sempadan adalah mulai 1 Ogos 2009. Kadar baru ini berkuatkuasa bagi tuntutan bayaran kemajuan 71% yang mana dokumen kerja ukur dikemukakan kepada dan disahkan oleh Pengarah Ukur Negeri mulai tarikh tersebut.

Sekian, terima kasih.



(Dato' Prof. Sr Dr. ABDUL KADIR BIN TAIB)

Pengerusi

Lembaga Jurukur Tanah

s.k. PEJUTA